

31/07/2002

Keselamatan ekonomi tumpuan peserta dialog

Wan Jailani Razak

LANGKAWI, Selasa - Keselamatan ekonomi negara membangun selepas Tragedi 11 September dijangka menjadi tajuk utama perbincangan empat hari Dialog Antarabangsa Langkawi-Global 2002 (LID-Global 2002), di sini, bermula Khamis ini.

Penasihat Kumpulan Industri-Kerajaan Bagi Teknologi Tinggi Malaysia (Might), Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman, berkata ini kerana isu itu kini menjadi masalah sejagat yang perlu dibincangkan untuk kepentingan bersama.

"Ia adalah ancaman baru yang dihadapi negara membangun berikutan Tragedi 11 September tahun lalu kini menjadi masalah global," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui di Pelangi Beach Resort, Pantai Cenang, tempat berlangsungnya LID-Global 2002.

Beliau ditanya isu yang akan dibincangkan kira-kira 450 perwakilan yang menghadiri dialog kali ini. Tema LID kali ini ialah 'Ke Arah Global Lebih Pintar - Memperkukuh Keselamatan dan Kemakmuran Untuk Pembangunan Menerusi Perkongsian Pintar'.

Dialog itu anjuran bersama Might dan Perkongsian Komanwel Bagi Pengurusan Teknologi (CPTM).

Omar berkata, dialog itu juga akan menyediakan satu rumusan mengenai masalah yang dihadapi negara membangun serta cadangan berhubung tindakan yang boleh diambil untuk menanganinya.

Sementara itu, beliau berpuas hati dengan persiapan tempat, khususnya khemah khas yang buat pertama kali disediakan berikutan ketiadaan tempat sesuai bagi menampung jumlah perwakilan yang ramai kali ini.

"Ini kali pertama kedua-dua pasukan CPTM dan MIGHT menunggu ketibaan ketua kerajaan dan peserta lain ke LID-Global 2002 yang akan bermula Khamis ini," katanya.

Ditanya mengenai pelaksanaan Rangkaian Berita Pintar Antarabangsa (SNNi) iaitu rangkaian pertukaran berita dalam lingkungan Perkongsian Pintar Selatan-Selatan yang dilancarkan Ogos tahun lalu, Omar berkata, usaha perlu dilakukan bagi menjadikannya lebih efektif.

"Sejak pelancaran hingga sekarang, ia didapati tidak begitu berkesan. Jadi, satu bengkel untuk peserta SNNi diadakan minggu lalu untuk memberi nafas yang lebih kuat kepada organisasi ini," katanya.

Beliau berkata, perbincangan akan terus diadakan untuk memastikan rangkaian SNNi dapat berfungsi lebih berkesan dalam menyediakan negara membangun dengan pendapat alternatif mengenai isu semasa.

SNNi dilancarkan bersama oleh Presiden Uganda Yoweri Museveni dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID) di Kampala, Uganda.

Ia satu program pertukaran berita berasaskan konsep perkongsian pintar bagi mengimbangi laporan kurang tepat mengenai negara membangun oleh media dan agensi berita Barat.

SNNi ([www.SNNi.org](http://www.SNNi.org)) menyediakan berita yang disumbang pertubuhan berita dari Afrika dan Malaysia ke laman web di Internet. Antara pertubuhan berita dari Afrika yang menyertai rangkaian pertukaran berita itu ialah The New Vision di Uganda, Agensi Berita Mozambique dan The Herald, Zimbabwe.

Dari Malaysia, pertubuhan berita yang terbabit termasuk Bernama, New Straits Times, The Star dan Utusan Malaysia.